

# Kukuhkan disiplin bekerja dengan kenaikan gaji

Um - 24/5/2007

KENAIKAN gaji yang diumumkan oleh kerajaan merupakan satu simbol kerjasama di antara kerajaan dan kakitangannya dalam melaksanakan tugas dan amanah negara.

Kejayaan sesebuah negara dalam setiap aspek kehidupan sama ada kepimpinan, pentadbiran dan pengurusan adalah berhubung kait dengan sikap dan mentaliti orang yang melaksanakan tugas berikut.

Gaji dan keistimewaan yang diberikan kepada setiap individu yang melaksanakan tugas dan amanah negara adalah merupakan kayu ukur kepada bebanan kerja yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Bagi individu yang menjawat jawatan tinggi dan mendapat gaji dan keistimewaan di peringkat tertinggi maka beban tanggungjawabnya adalah terlalu berat. Kedudukan dan tugasnya akan dipersoalkan secara terperinci oleh Allah di akhirat kelak.

Kakitangan yang berjawatan rendah perlu mendapat perhatian dan pengawasan daripada pihak yang berjawatan tinggi. Kenaikan pangkat dan kedudukan kakitangan di pejabat perlu berdasarkan kepada prosedur yang mantap yang boleh dijadikan panduan kepada kakitangan untuk kenaikan pangkat dan gaji.

Kegigihan, kebolehan dan tingkah laku kakitangan dalam melaksanakan tugas seharian perlu dijadikan sebagai kayu ukur untuk kenaikan pangkat bukan berdasarkan kepada keakraban hubungan peribadi di antara kakitangan bawahan dan ketua.

Jika sistem dan disiplin di pejabat kerajaan mantap dan kriteria kenaikan pangkat difahami oleh setiap

kakitangannya serta kriteria ini dijadikan sebagai amalan dalam pejabat maka setiap individu sama ada berpangkat rendah atau tinggi akan merasai gembira dan patuh kepada peraturan dan disiplin pejabat walaupun gaji yang diterima oleh mereka tidak tinggi. Sikap puas hati terhadap ketua dan sistem yang adil dan saksama sudah cukup untuk membangkitkan semangat bekerja di kalangan kakitangan di pejabat.

Perkara ini amat penting dalam sistem pentadbiran dan pengurusan. Perkara utama yang perlu dikaji dan dipantau di pejabat-pejabat kerajaan ialah bagaimana ketua, pegawai-pegawai tinggi dan kakitangan di pejabat tersebut merealisasikan amanah kerajaan dan negara dalam melaksanakan tugas seharian mereka.

Begitu juga dengan sikap para wakil rakyat dalam melaksanakan tugas sebagai wakil di antara kerajaan dan rakyat.

Jika wakil rakyat, para pentadbir dan kakitangan kerajaan tidak mengikuti disiplin atau etika dalam melaksanakan amanah kerajaan dan rakyat maka kenaikan gaji yang lumayan tidak dapat memberi kesan yang positif terhadap mutu perkhidmatan untuk negara dan masyarakat.

Kenaikan gaji perlu difahami sebagai satu cara untuk memudahkan kakitangan kerajaan melaksanakan tugas tanpa memikirkan soal kesempitan hidup sehingga cuai terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Sifat kesederhanaan dalam hidup perlu disemat dalam jiwa kakitangan kerajaan supaya mereka menjadi orang yang bijak berbelanja.

Selain daripada kenaikan gaji, kerajaan juga perlu prihatin terhadap kemudahan dan keselesaan pengangkutan awam yang merupakan kenderaan utama golongan kakitangan kerajaan yang memiliki gaji yang rendah.

Keletihan dalam perjalanan untuk ke pejabat juga merupakan faktor utama yang menyebabkan kebanyakan kakitangan kerajaan yang bergaji kecil tidak dapat melaksanakan tugas secara sempurna.

Kesedaran terhadap tugas dan tanggungjawab kepada negara dan masyarakat serta etika bekerja dan berurusan dengan orang awam perlu dipertingkatkan di kalangan kakitangan kerajaan.

Rungutan dan sikap kurang sopan terhadap orang awam yang dipertunjukkan oleh kakitangan kerajaan ketika berurusan dengan orang awam yang tidak mempunyai kedudukan dan miskin sepatutnya tidak berlaku terutamanya ketika gaji mereka telah dinaikkan.

Sikap proaktif perlu dijadikan etika utama dalam melaksanakan tugas yang berhubung kait dengan kepentingan awam. Jika sikap ini tidak dapat dijadikan sebagai satu tabiat dalam melaksanakan tugas maka kenaikan gaji tidak dapat memberi kesan yang positif terhadap mutu perkhidmatan awam.

**- DR. SAODAH ABD. RAHMAN**  
**Jabatan Usuluddin dan Perbandingan**  
**Agama, Universiti Islam Antarabangsa**  
**Malaysia.**